


SULIT

Nama

Kelas



MAJLIS GURU BESAR DAERAH JEMPOL

PENTAKSIRAN PRA UPSR TAHUN 2017

BAHASA MELAYU - PEMAHAMAN

011

TAHUN 6

Bahagian A

Ogos

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Kamu dikehendaki menjawab semua soalan dalam kedua-dua bahagian ini.*
3. *Bagi Bahagian A, setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
4. *Bagi Bahagian B, jawab semua soalan dalam ruang jawapan yang disediakan. Ceraikan Bahagian B daripada kertas peperiksaan ini.*

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak

BAHAGIAN A
[20 markah]

Soalan 1 hingga 12

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Halim berkata kepada rakannya, “_____ mestilah berusaha untuk memajukan diri dalam pelajaran demi masa hadapan.”
 - A Dia
 - B Kita
 - C Kami
 - D Kalian


- 2 Biduanita itu sedang _____ sebuah lagu di atas sebuah pentas yang cantik.
 - A menyembahkan
 - B menunjukkan
 - C mengalunkan
 - D menarik

- 3 Setiap penduduk Kampung Pinang mendapat _____ ekar tanah daripada kerajaan.
 - A sesetengah
 - B setengah
 - C separuh
 - D setiap

- 4 Ubat untuk merawat penyakit malaria yang _____ itu tidak tertelan oleh adik.
 - A masam
 - B manis
 - C kelat
 - D pahit

- 5 Sampan yang ditambat di jeti itu teroleng-oleng _____ laut berombak.
 - A bila
 - B apabila
 - C supaya
 - D hingga

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



- 6 Perut Encik Mokhtar _____ kerana dia tidak mengamalkan gaya hidup sihat.
- A bulat
 - B buncit
 - C gemuk
 - D kempis
- 7 Pak Mahat _____ tali pada badan gasing sebelum dia melemparkan gasing itu ke tengah gelanggang.
- A melilitkan
 - B memutarakan
 - C memintalkan
 - D membelitkan
- 8 Mereka _____ sebelum pergaduhan itu tercetus.
- A berkata-kata
 - B balas-membalas
 - C sindir-menyindir
 - D menumbuk-numbuk
- 9 Pilih ayat yang menggunakan kata majmuk dengan betul.
- A Adnan membeli alat tulis semasa mengikut ayahnya ke kedai buku.
 - B Tanda tangan diperlukan untuk pengesahan kehadiran.
 - C Kuala Lumpur ialah bandaraya yang sangat sibuk.
 - D Ayah makan tengahari di kedai.

10 Lee Chong Wei berazam tidak akan mengulangi kesilapan lalu.

Pilih perkataan sinonim bagi berazam

- A bersatu
- B berpadu
- C bertekad
- D bersepakat

11 Puan Alisa yang pemurah itu mendermakan pakaian kepada kanak-kanak miskin.

Pilih perkataan antonim bagi pemurah

- A dermawan
- B pemboros
- C peramah
- D kedekut

12 Terdapat _____ serai hidup subur di belakang rumah.

- A seikat
- B sebatang
- C sejambak
- D serumpun

13 *Pilih peribahasa yang betul berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Pak Pandir tidak membantah segala suruhan Mak Andeh _____ .

- A seperti kerbau dicucuk hidung
- B seperti ayam disambar helang
- C seperti mengajar itik berenang
- D seperti harimau menyembunyikan kuku

14 *Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Musim kemarau menyebabkan pendapatan para petani dan penternak merosot.

- A Pendapatan para petani dan penternak berkurangan disebabkan oleh musim kemarau.
- B Para petani dan penternak mengurangkan pendapatan mereka apabila tiba musim kemarau.
- C Bilangan para petani dan penternak merosot pada musim kemarau kerana pendapatan mereka berkurangan.
- D Para petani dan penternak yang mengalami musim kemarau akan menyebabkan pendapatan merosot.

15 *Pilih ayat yang betul.*

- A Lelaki yang segak itu adalah ayah saya.
- B Kedua-dua lelaki itu ialah adik-beradik.
- C Rumah yang baru dibeli oleh ayah itu ialah terlalu besar.
- D Segala pengakuan yang dibuat di hadapan hakim ialah benar.

16 *Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.*

- I Bahagian besar ladang itu ditanami kelapa sawit.
 - II Bahagian bumbung rumah itu masih belum siap.
 - III Encik Karim bertugas di bahagian pentadbiran di sekolah itu.
 - IV Saya tidak suka duduk di bandar kerana bahagian yang sangat bising.
- A I dan II
 - B II dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

Soalan 17 hingga 20

Baca iklan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

KURSUS KEMAHIRAN MEMBUAT JUS MANGGA

**Tingkatkan kemahiran, Mulakan Perniagaan
Anjuran Jabatan Pertanian dengan kerjasama
Biotek Sdn. Bhd & Universiti Putra Maalaysia**

Objektif Kursus:

- Mengalakkan kegiatan pertanian
- Memupuk budaya berniaga
- Melatih kemahiran
- Memajukan perusahaan mangga

Tempat : Jabatan Pertanian Negeri (setiap negeri)
Tarikh : 2 Ogos 2017 – 3 Ogos 2017
Waktu : 8.30 pagi -12.30 tengah hari / 2.30 petang -5.30 petang
Bayaran : RM 250 (diskaun 50 peratus untuk graduan lepasan ijazah yang masih menganggur)

Modul Kursus

- Pemrosesan
- Pembungkusan
- Pelabelan
- Pemasaran

**Jangan lepaskan peluang! Tingkatkan Kemahiran
Jangan berkira-kira untuk membuat keputusan**

Daftarliah segera. Tempat kursus terhad. Kepada sesiapa yang berminat dapatkan keterangan lanjut tentang kursus di talian 03-38470211

“Pertanian menjanjikan kesejahteraan kehidupan pada masa depan”

17. Siapakah penganjur utama kursus tersebut?
- A Biotek Sdn. Bhd.
 - B Jabatan Pertanian.
 - C Universiti Putra Malaysia.
 - D Sekolah Kebangsaan Putra Malaysia.
18. Berapa jamkah kursus itu jika dilakukan dalam sehari?
- A 6 jam.
 - B 7 jam.
 - C 12 jam.
 - D 14 jam.
19. Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang petikan.
- A Setiap negeri ada menganjurkan kursus itu.
 - B Kursus tersebut berkaitan dengan buah mangga.
 - C Teknik pemprosesan buah mangga adalah antara modul kursus.
 - D Kursus hanya terbuka kepada petani dan graduan yang tidak bekerja.
20. Bayaran yang dikenakan kepada graduan yang masih menganggur adalah sebanyak _____
- A RM125
 - B RM200
 - C RM230
 - D RM250

BAHAGIAN A TAMAT